

12 MAY 1996

Muhyiddin-Belia

JAWATANKUASA KABINET AKAN MERANGKA STRATEGI TANGANI MASALAH SOSIAL

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Jawatankuasa Kabinet yang ditubuhkan baru-baru ini bagi menggubal dasar dan program membendung masalah sosial khususnya di kalangan belia meminta agensi-agensi yang berkaitan supaya mengemukakan maklumat yang berkaitan untuk tujuan itu.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini berkata, Jawatankuasa Peringkat Tinggi Antara Agensi itu yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan bermesyuarat tidak lama lagi untuk membincangkan maklum balas yang diterima setakat ini.

"Pada mesyuarat itu, kita menjangka dapat mengenal pasti masalah utama yang dihadapi dan akan membincangkan bagaimana ia boleh diatasi," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pemulihan Sosial anjuran MIC Wilayah Persekutuan di sini.

Muhyiddin yang juga menganggotai jawatankuasa 10 anggota itu berkata, jawatankuasa itu kini dalam proses mendapatkan maklumat daripada pelbagai organisasi lain.

Antara anggota jawatankuasa itu yang ditubuhkan lebih sebulan lepas termasuk Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail, Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Penubuhan jawatankuasa itu yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) di Parlimen Isnin lepas, adalah bagi menangani gejala tingkah-laku sosial negatif yang meningkat, ekoran kepesatan perindustriaan dan pemandaran serta arus penghijrahan desa ke bandar.

Perangkaan menunjukkan pada 1994, terdapat 17,600 kes penagihan dadah yang dilaporkan, sebanyak 8,938 kes Aids, 871 kes penderaan kanak-kanak dan 4,774 kes lari dari rumah.

Mengikut RMK-7 itu, sokongan institusional akan dikaji semula supaya dapat memusatkan perhatian dan penyelarasan dalam program pencegahan dan pemulihan bagi kumpulan sasaran seperti kanak-kanak, belia dan ibu bapa.

Muhyiddin berkata jawatankuasa berkenaan yang juga terdiri daripada wakil Kementerian-kementerian dan polis, telah mengadakan mesyuarat pertama baru-baru ini.

"Jawatankuasa ini akan melihat dengan terperinci semua perkara yang relevan yang membabitkan subjek itu (masalah sosial)...Kita akan mengkajinya secara spesifik," kata beliau.

Sementara itu, Muhyiddin berkata Bahagian Penyelidikan akan diwujudkan sebagai sebahagian daripada proses penyusunan semula Kementerian Belia dan Sukan.

"Bahagian ini akan bekerjasama dengan universiti tempatan. Kita akan menandatangani satu Memorandum Persefahaman dengan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) kerana mereka mempunyai kemahiran dalam bidang penyelidikan," kata beliau.

--BERNAMA

ES PR